

Lelaki tumbuk penumpang, ludah kru pesawat didenda RM5,000

KUCHING: Padah menumbuk penumpang, meludah muka kru penerbangan serta membuat kacau semasa berada di dalam kapal terbang, seorang lelaki didenda RM5,000 atau lima bulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Difahamkan, tertuduh dikatakan berada di bawah pengaruh alkohol ketika kejadian berlaku.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Izzan Mohd Hashim, 36, yang mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Peraturan 102, Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.

Kesalahan yang boleh dihukum di bawah Peraturan 206 (2)(A) Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam

2016 itu memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa berkelakuan tidak wajar terhadap kru penerbangan dengan terus mengganggu kru daripada menjalankan tugas mereka.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar jam 6.25 petang pada 22 April 2026 ketika menaiki penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuching.

Berdasarkan fakta kes, pengawal keselamatan penerbangan (pengadu) yang bekerja di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) telah menerima arahan daripada pengurus

stesen syarikat penerbangan terbabit untuk bersedia di Pintu 5 di LTAK.

Ini berikutan terdapat seorang penumpang lelaki yang didakwa bersifat agresif semasa penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuching yang dijangka tiba di Kuching pada jam 6.50 petang.

Setibanya penerbangan itu di sini, tertuduh diserahkan

kepada polis untuk tangkapan semula dan tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan polis mendapati terdapat keterangan saksi menyatakan tertuduh bertindak secara agresif dengan menumbuk muka penumpang, meludah muka kru penerbangan dan membuat kacau semasa berada di dalam kapal terbang.

Perbuatan itu seterusnya dikhuatiri boleh membahayakan nyawa penumpang lain yang berada di dalam pesawat, selain menjejaskan keselamatan penerbangan.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly sementara tertuduh tidak diwakili peguam.